



## **KENYATAAN MEDIA**

### **KETUA PENGARAH JAKIM**

# **MENGENAI PELAKSANAAN PENGUATKUASAAN PERINTAH PERIHAL DAGANGAN (PERAKUAN DAN PENANDAAN HALAL) 2011, SEKSYEN 29, AKTA PERIHAL DAGANGAN 2011 UNTUK MAKANAN DAN BARANG- BARANG**

1. **Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011** telah dikuatkuasakan bermula **1 Januari 2012**. Dengan wujudnya perintah tersebut, pihak berkuasa berwibawa untuk melaksanakan perakuan dan penandaan halal Malaysia adalah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).
2. Melalui perintah ini, logo halal dan ungkapan halal, contohnya; 'ditanggung halal', 'makanan orang Islam', 'buffet Ramadhan' dan lain-lain lambang Islam yang boleh mengelirukan dan memperdayakan orang Islam adalah dilarang.
3. Perintah ini telah memberikan tempoh peralihan selama satu tahun kepada semua makanan atau barang-barang yang telah berada di pasaran sebelum Perintah ini berkuatkuasa. Perintah ini juga terpakai kepada semua makanan atau barang-barang import yang hendak diperihalkan sebagai halal, tempoh peralihan adalah selama satu tahun dari permulaan kuat kuasa Perintah ini.
4. Memandangkan tempoh peralihan tamat pada 31 Disember 2012, bermula pada 1 Januari 2013, JAKIM akan mengambil tindakan kepada mana-mana syarikat pengeluar dan pengedar makanan atau barang-barang yang masih menggunakan logo dan ungkapan halal selain logo halal Malaysia yang dikeluarkan oleh JAKIM/MAIN.

5. Bagi makanan dan barang-barang import yang hendak diperihalkan sebagai halal hendaklah menggunakan logo atau nama badan pensijilan halal luar negara yang diiktiraf JAKIM di negara pengeluar masing-masing.

6. Jika disabitkan kesalahan, maka boleh dikenakan tindakan seperti berikut;

I. Jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi RM200,000 (dua ratus ribu ringgit) dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya didenda tidak melebihi RM500,000 (lima ratus ribu ringgit); atau

II. Jika orang itu bukan suatu pertubuhan atau perbadanan didenda tidak melebihi RM100,000 (satu ratus ribu ringgit) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya. Bagi kesalahan yang kedua atau berikutnya didenda tidak melebihi RM250,000 (dua ratus lima puluh ribu ringgit) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.

7. Justeru, JAKIM mengingatkan pihak industri agar lebih bersedia dan peka dengan pensijilan halal Malaysia dari semasa ke semasa. JAKIM juga berharap agar orang-ramai dapat memberi kerjasama dan menyalurkan maklumat sekiranya berlaku penyalahgunaan logo halal.

## **BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**

**'Saya Yang Menurut Perintah'**

**DATO' HAJI OTHMAN MUSTAPHA**

Ketua Pengarah

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia